

# Nusajaya diiktiraf Bandar Selamat

Dipilih selaras pembangunan Iskandar Malaysia sebagai hab ekonomi

>>Oleh Saipul Adli Mohamad  
saipuladli@hmetro.com.my

**N**USAJAYA: Selaras perancangan dan pembangunan di Iskandar Malaysia, Nusajaya dilancarkan sebagai Bandar Selamat pertama di negeri ini, petang semalam.

Ketua Polis negeri, Datuk Mohd Mokhtar Mohd Shariff, berkata Bandar Selamat diwujudkan hasil arahan Kabinet dan diperakui Majlis Negara Bagi Kerajaan Tempatan pada 11 Oktober 2004 sebelum Bangsar di Kuala Lumpur, dipilih untuk pelaksanaan Bandar Selamat pertama di negara ini.

Beliau berkata, pelaksanaan Program Bandar Selamat merangkumi 23 Langkah Pencegahan Jenayah membabitkan pelbagai pihak seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Perancangan Bandar dan Desa, Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia (MCPF) dan sebagainya untuk memerangi jenayah.

"Jadi, polis berkongsi dengan pelbagai pihak sama ada agensi kerajaan, badan bukan kerajaan (NGO), pihak swasta dan orang ramai untuk memerangi jenayah di kawasan bandar berkenaan.

"Nusajaya dipilih sebagai Bandar Selamat pertama di Johor selaras perancangan



**DIKTIKIRAF...Mohd Mokhtar (kanan) melancarkan logo Nusajaya Bandar Selamat sambil diperhatikan (dari kiri), Pandak, Aziz, Abdul Aziz dan Zulkifli di Puteri Harbour, semalam.**

dan pembangunan di Iskandar Malaysia, sebagai hab ekonomi dan kemajuan di selatan tanah air.

"Kita akan memperluaskan Bandar Selamat di negeri ini, tetapi keutamaan kepada Iskandar Malaysia kerana keselamatan menjadi antara aspek penting di wilayah berkenaan," katanya selepas melancarkan Nusajaya Bandar Selamat di Puteri Harbour di sini, semalam.

Hadir sama, Timbalannya, Datuk Jalaluddin Abdul Rahman; Pengarah Projek UEM

Land Holdings Berhad, Zulkifli Tahmali; Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) Nusajaya, Datuk Aziz Sopian; Ketua Polis Daerah Nusajaya, Superintendan Abdul Aziz Ahmad dan Pengerusi Kepolisian Masyarakat Nusajaya, Pandak Ahmad.

Mohd Mokhtar berkata, penerapan konsep Bandar Selamat tidak terhad kepada usaha menurunkan kadar jenayah semata-mata sebaliknya turut merangkumi tahap kesejahteraan penduduk dan kesedaran kepada

keselamatan dan ketenteraman kerana melalui kesedaran tinggi, masyarakat akan bekerjasama menjayakan hala tuju yang dikehendaki dengan pembabitian pihak berkuasa.

Beliau berkata, usaha mewujudkan program Nusajaya Bandar Selamat dimulakan secara intensif sejak 1 Julai lalu dengan pelaksanaan ag-resif dan pelbagai pendekatan pencegahan jenayah dilakukan pegawai dan anggota Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) Nusajaya.



**REZEKI...Abdul Rahman menunjukkan gambar diambilnya kepada Abdul Wahab (dua dari kanan), semalam.**

## Gambar anak bawa tuah

**J**OHOR BAHRU: Gambar seorang kanak-kanak menadah titisan air dari daun keladi membawa tuah kepada Abdul Rahman Embong yang juga seorang jurugambar akhbar The Star apabila terpilih sebagai pemenang tempat pertama Pertandingan Fotografi Media anjuran SAJ Holdings (SAJH) Sdn Bhd, semalam.

Lebih manis, kemenangan Abdul Rahman Embong itu turut diraikan anak lelakinya, Muhammad Akmal, 5, yang menjadi model dalam gambar yang memenangi hadiah wang tunai RM1,500 itu.

Dia menewaskan 46 penyertaan lain dalam pertandingan anjuran bersama SAJH serta Kelab Wartawan dan Jurugambar Johor Bahru (KWJJB) yang bertujuan memupuk kesedaran mengenai kepentingan meng-hargai air di kalangan masyarakat khususnya pengamal media di negeri ini.

Hadiah tempat kedua sebanyak RM1,000 pula di-

menangi jurugambar Sin Chew Daily, Lek Kah Meng manakala Ketua Biro Utusan Malaysia, Luqman Haziq Abdullah memenangi tempat ketiga untuk membawa pulang RM800 dengan semua hadiah disampaikan Ketua Pegawai Operasi SAJH, Abdul Wahab Abdul Hamid.

Ketua Komunikasi Korporat SAJH, Jamaluddin Jamil, berkata pihaknya gembira kerana penyertaan pertandingan yang bertemakan 'Air Untuk Kehidupan' itu amat menggalakkan pada tahun ini.

Beliau berkata, beberapa aspek dinilai dalam proses pemilihan bagi menentukan gambar yang menepati tema dan keaslian dengan semua koleksi gambar yang diterima dinilai ketua jabatan SAJH.

"Di samping dapat meng-hargai sumber air, acara begini dapat mengukuhkan hubungan baik SAJH dengan semua pengamal media di Johor," katanya.

**MENANGI HADIAH WANG TUNAI** ATAU BAUCAR DISKAUN UNTUK KASUT KESELAMATAN KING'S ATAU K2



**MENCARI HARTA KARUN KING'S BUKA & LIHAT**  
HADIAH-HADIAH BERNILAI LEBIH RM2,188,888 HADIAH YANG ANDA TELAH MENANGI



Dengan pembelian setiap pasang kasut keselamatan KING'S, OTTER atau K2, anda akan menerima kad BUKA & LIHAT dan seterusnya MENANGI HADIAH!

(Promosi sah dari 1 Julai 2009 - 30 Sept 2009)



Kingshoe Manufacturing Sdn. Bhd. (230625-T)  
KL: Tel: 03-6252 8787 JB: Tel: 07-388 8787 Website: www.kingsafetywear.com



**BIASISWA KERAJAAN**  
SIJIL KEMAHIRAN MALAYSIA (PERTANIAN) - BUMIPUTERA

www.institutskilltech.com

**MEMBINA MASA DEPAN YANG LEBIH CERAH DI BIDANG PERTANIAN BERMULA DI SKILL-TECH MELAKA**

Kursus yang ditawarkan:-

- **Pengeluaran Pemprosesan Makanan**  
Kursus kemahiran pembangunan produk baru dengan memberi nilai tambah kepada hasil pertanian sediada melalui penggunaan teknologi yang efisien dan efektif.
- **Pemasaran Pengeedaran Makanan**  
Kursus kemahiran pemasaran dan pengedaran produk pertanian melibatkan aktiviti pembangunan data maklumat pasaran, media dan pengiklanan serta pelancaran produk.

Subjek tambahan:-

- Pengurusan Perniagaan
- Kursus Jati Diri

Anda akan menerima 2 sijil serentak:-

- Sijil Kemahiran Malaysia (SKM) Kementerian Sumber Manusia
- Sijil Keusahawanan Institut Keusahawanan Negara (INSKEN)

Yuran pendaftaran:

- Hanya RM450 sekali sahaja

ANDA BERMINAT?

MAKLUMAT LANJUT SMS NAMA & ALAMAT DI  
012-921 1417/ 012-322 1327/ 017-690 9891/ 017-351 6376

HANYA UNTUK MEREKA YANG INGIN BERJAYA DALAM BIDANG PERTANIAN

## 99.7% penempatan dapat bekalan SAJH

**J**OHOR BAHRU: Syarikat utiliti bekalan air, SAJ Holdings (SAJH) Sdn Bhd menyalurkan kemudahan bekalan air meliputi 99.7 peratus kawasan penempatan penduduk di negeri ini.

Ketua Pegawai Operasi SAJH, Abdul Wahab Abdul Hamid, berkata hanya beberapa kawasan penempatan penduduk tidak disalurkan bekalan air berikutan terletak di pedalaman selain beberapa kawasan perkampungan baru yang diwujudkan.

Katanya, penduduk yang belum menerima bekalan air bagaimanapun boleh membuat permohonan untuk menikmati kemudahan itu kepada SAJH selain melalui Kementerian Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah.

Abdul Wahab berkata, selain menawarkan perkhidmatan terbaik kepada pelanggan, SAJH juga menubuhkan Pusat Maklumat Setempat Bekalan Air dikenali sebagai SAJ Info Centre yang mula beroperasi pada 1999.